



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA DILANCARKAN DI SABAH

**Kota Kinabalu, 5 Jun – YB Dato’ Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini melancarkan-Program Semarak Skuad Waja (Wanita Anti Jenayah) Negeri Sabah.** Skuad Waja adalah program sukarelawan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan sebagai mata dan telinga Kerajaan dalam masyarakat diperingkat komuniti terutamanya bagi membantu golongan yang memerlukan termasuk mangsa keganasan. Skuad Waja memainkan peranan untuk memperkasa komuniti melalui perkhidmatan bantuan psikososial dan aktiviti-aktiviti bimbingan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah, manipulasi, eksploitasi dan sebagainya. **Seramai 21,387 orang yang terdiri daripada 12,228 wanita dan 9,159 lelaki telah mendaftar sebagai ahli Skuad Waja di Sabah.**

YB Dato’ Hajah Siti Zailah menegaskan bahawa peranan Skuad Waja dalam komuniti terutamanya dalam tempoh pandemik sangat signifikan dan banyak membantu masyarakat khususnya di peringkat akar umbi. Program Skuad Waja akan menjadi salah satu tunjang kekuatan KPWK dalam menjayakan agenda pemerkasaan Keluarga Malaysia.

Di Negeri Sabah, ahli Skuad Waja juga turut bergiat aktif dengan menyantuni komuniti dan mangsa yang memerlukan. Pelbagai program psikososial seperti Program Psikososial Kembara Skuad Waja Kota Belud, Kembara Skuad Waja Daerah Sandakan dan Program Psikososial Kembara Skuad Waja Tuaran telah dilaksanakan bersama-sama Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan khususnya bagi wanita.

KPWKM juga amat menggalakkan penglibatan kaum lelaki sebagai ahli Skwad Waja kerana isu menangani keganasan terhadap wanita adalah isu yang harus ditangani bersama dan tidak terkecuali, lelaki juga boleh menjadi mangsa. Setiap ahli Skwad Waja yang mendaftar diberikan panduan melalui Modul Skwad Waja yang telah dibangunkan oleh JPW dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM) untuk memberi bantuan dan bimbingan awal kepada mangsa. Pihak KPWKM menyeru agar lebih ramai mendaftar sebagai ahli Skwad Waja. Untuk maklumat lanjut, sila layari portal rasmi <https://www.jpw.gov.my/>.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 5 Jun 2022